

Tolak dakwaan penduduk

JPS pantau, selenggara parit ikut jadual empat kali setahun

SABAK BERNAM – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sabak Bernam menolak dakwaan penduduk bahawa kontraktor yang dilantik tidak menjalankan kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit di Kampung Tebuk Pulau yang didakwa tidak dijalankan secara sistematik dan sempurna.

Dua parit utama iaitu di Jalan Parit 6 Tebuk Pulau dan Jalan Parit 6 sawah padi berhampiran ladang Tebuk Pulau tidak diselenggarakan dengan sempurna dan diklasifikasi banjir kilat yang melanda kampung itu berulang seperti yang berlaku pada tahun lalu.

Sebaliknya, jurucakap JPS berkata, berdasarkan pemantauan dan bukti bergambar yang diambil pihaknya selepas kerja menggali dan memotong rumput parit itu mendapati kontraktor bertanggungjawab menjalankan kerja terbabit mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

“Selain itu, pihak kita juga menjalankan kerja-kerja pemantauan secara berjadual agar kontraktor terbabit mengikut iklan sebut harga yang telah ditetapkan,” katanya.

Jurucakap itu memberitahu, terdapat longgokan rumput-rumpai dan pokok keladi bunting di dalam parit seperti yang didakwa dipercayai baharu tumbuh memandangkan parit utama itu merupakan kawasan sawah padi.

“Penggunaan baja sawah padi menyebabkan pengaliran air di parit itu lebih subur dan pertumbuhan rumput-rumpai di dalam parit lebih

Bimbang banjir kilat berulang

Penduduk desak JPS selenggara parit lebih sistematik, pantau cara kerja kontraktor dilantik

SABAK BERNAM –

Penduduk mendesak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi penjelasan berhubung kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit di Kampung Tebuk Pulau yang didakwa tidak dijalankan secara sistematik dan sempurna.

Dua parit utama iaitu di Jalan Parit 6 Tebuk Pulau dan Jalan Parit 6 sawah padi berhampiran ladang Tebuk Pulau tidak diselenggarakan dengan sempurna dan diklasifikasi banjir kilat yang melanda kampung itu berulang seperti yang berlaku pada tahun lalu.

Rajan Pran A/L. Kribhnan, 57 berkata, kerja-kerja pemantauan kontraktor



Rajan Pran menunjukkan longgokan rumput keladi bunting yang dibiarkan tidak dipotong di Parit 6 sawah padi berhampiran ladang Tebuk Pulau.



HARIL

masih tidak dipotong.

“Kita penakut kenapa tak selenggara parit betul-betul ada lagi rumput yang tak dipotong dekat batang-pai dan bawah sistem pembuangan ke rumah penduduk.

“Mereka patut cari pekerja potong rumput.

daripada mengir ke sungai dan parit dekat sini,” katanya.

Rajan Pran memberitahu, landasan di Parit 6 sawah padi berhampiran ladang Tebuk Pulau lebih teruk apabila terdapat longgokan rumput keladi bunting.

Ke? Kalau pantau, kenapa ada lagi longgokan pokok keladi bunting yang tak dipotong. Janglah potong dina tapi-siti tak. Potonglah semua dan jangan biar macam tu’ ujanra.

Katanya, jika masalah itu tidak diatasi secara serius, kuarang menyenangkutuk apabila musim

dijangka antara September hingga Disember depan.

“Kita tak mau kawasan ni banjir. Cukuplah tahun lalu dah banjir. Kerajaan negeri pun ada bagi peruntukan untuk selesaikan masalah ni,” ujanra.

Soorag lagi penduduk, Hari Ramli, 49 berkata, kerja yang dilakukan pihak ter-
tanggungjawab

Laporan Sinar Harian semalam.

cepat berbanding di parit biasa,” ujanra.

Bagi menangani masalah itu, pihaknya yang sebelum ini melaksanakan kerja penyelenggaraan parit tiga bulan sekali terpaksa menjalankan kerja dua bulan sekali yang diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

“Kita singkatkan tempoh pemantauan tiga bulan kepada dua bulan sebagai salah satu langkah agar JPS dapat pantau keadaan parit dengan lebih kerap.

“Dalam setahun empat kali kerja penyelenggaraan dijalankan iaitu pada Januari, April, Julai dan Oktober,” jelasnya.

Malah, katanya, kerja pe-

nyelenggaraan di dua parit itu akan dilaksanakan sekali lagi oleh JKKK pada 1 September depan sebagai usaha memastikan pengaliran air parit lebih lancar serta menangani kejadian banjir kilat.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan penduduk mendesak JPS memberi penjelasan berhubung kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit di Kampung Tebuk Pulau yang didakwa tidak dijalankan secara sistematik dan sempurna.

Dua parit utama iaitu di Jalan Parit 6 Tebuk Pulau dan Jalan Parit 6 sawah padi berhampiran ladang Tebuk Pulau tidak diselenggarakan dengan sempurna.